

**Umat Islam Perlu Bersatu Hadapi Cabaran - Muhyiddin  
Bernama  
14 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Umat Islam di negara ini perlu bersatu bagi membina kekuatan untuk menghadapi apa juga cabaran yang datang dalam pelbagai bentuk dan rupa, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata umat Islam kini berdepan ancaman paling besar terhadap perpaduan, yang boleh menjejaskan keamanan dan kedamaian yang dikecapi selama ini.

Menurutnya pergolakan di negara-negara Islam lain akibat sengketa sesama sendiri perlu dijadikan pengajaran supaya umat Islam di negara ini tidak mengalami nasib yang sama.

"Kita di Malaysia amat bertuah kerana dikurniakan sebuah negara yang aman dan damai," katanya dalam perutusan sempena Hari Raya Aidiladha yang akan disambut Selasa.

Beliau berkata Aidiladha atau Hari Raya Korban membawa mesej yang penting kepada seluruh umat Islam untuk sentiasa dihayati dan diteladani.

"Antaranya ialah sifat pengorbanan tinggi yang harus dimiliki oleh umat Islam bagi mencapai kejayaan yang diredai Allah S.W.T. Dalam hubungan ini, Islam sebenarnya menuntut umatnya supaya sentiasa memiliki kesabaran dan sanggup berkorban demi menegakkan syiar Islam dan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

"Kesabaran dan pengorbanan yang benar-benar disandarkan atas sifat kehambaan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T, akan menjamin kejayaan yang cukup bermakna, seperti mana pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dengan menuruti perintah Allah S.W.T," katanya.

Justeru, katanya, umat Islam seharusnya mengambil mesej penting itu sebagai panduan hidup seharian bagi menghadapi pelbagai bentuk cabaran dan dugaan.

"Saya percaya dengan pendekatan itu, kita bukan sahaja dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan harmoni, malah lebih penting daripada itu, umat Islam akan sentiasa memperoleh rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Insya-Allah," katanya.

Sempena Aidiladha, Muhyiddin mengingatkan umat Islam supaya memperingati dan menghayati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s untuk diamalkan dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Semoga dalam semangat Aidiladha ini, umat Islam di Malaysia menjadi contoh kepada semua umat Islam. Jalani ibadah korban dengan ikhlas dan dengan niat mahu berkongsi nikmat kurniaan Allah bersama golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada umat Islam di Malaysia dan rakyat Malaysia yang meraikannya di seluruh dunia.

-- BERNAMA

